



Perkembangan Monetari dan Kewangan

5





Perkembangan Monetari dan Kewangan

Tinjauan

Dasar monetari dan keadaan kewangan kekal menyokong pertumbuhan...

Persekitaran ekonomi domestik pada tahun 2008 lebih mencabar berikutan pertumbuhan global yang semakin perlahan dan peningkatan tekanan inflasi disebabkan kenaikan harga barang makanan dan bahan api. Dasar monetari di Malaysia kekal menyokong pertumbuhan dengan kestabilan harga, meskipun risiko pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan dan kenaikan inflasi yang semakin ketara. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008, dasar monetari tidak berubah dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 3.50%, walaupun terdapat tekanan ke atas harga domestik berikutan penstrukturan semula subsidi petrol dan diesel pada 5 Jun. Kadar inflasi meningkat 8.5% pada bulan Julai dan dijangka kekal tinggi dalam tempoh separuh kedua 2008 sehingga awal 2009 sebelum menyederhana menjelang pertengahan tahun. Kerajaan sentiasa memantau dengan teliti perkembangan semasa dan akan mengambil tindak balas dasar monetari yang bersesuaian, bergantung kepada kesan menyeluruh kenaikan harga dan risiko terhadap pertumbuhan ekonomi.

Dasar monetari kekal akomodatif dengan mudah tunai yang tinggi dan kadar faedah yang stabil. Pinjaman sistem perbankan berkembang dalam tempoh enam bulan pertama 2008, dengan penunjuk pinjaman mencatat peningkatan kukuh. Sejajar dengan objektif untuk meningkatkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada ekonomi, pinjaman kepada PKS oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) terus meningkat. Penekanan turut diberikan terhadap usaha meningkatkan

penyertaan kewangan kepada seluruh segmen ekonomi, terutama perusahaan mikro. Rangka kerja perlindungan pengguna telah diperkukuh melalui inisiatif untuk meningkatkan maklumat kewangan dan pendidikan pengguna serta memastikan mekanisme yang mencukupi untuk penebusan.

Kewangan Islam terus berkembang dengan kemajuan inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) yang memberangsangkan. Malaysia kekal sebagai pasaran bon Islam (sukuk) terbesar di dunia, menyumbang lebih daripada 60% kepada jumlah terkumpul sukuk global. Dana yang dijana dalam pasaran modal telah meningkat dengan sektor swasta menjana lebih dana terutama untuk membiayai aktiviti baru, manakala Kerajaan memperoleh dana untuk membiayai projek pembangunan. Pasaran modal domestik juga berjaya menarik beberapa entiti asing untuk menerbitkan bon denominasi ringgit. Walau bagaimanapun, selari dengan prestasi pasaran utama dan serantau yang lembap, prestasi pasaran ekuiti domestik turut terjejas. Sementara itu, pelbagai langkah dan inisiatif terus diambil untuk mengukuhkan pasaran modal.

Dasar Monetari

Dasar monetari dalam persekitaran lebih mencabar...

Pada tahun 2008, dasar monetari berhadapan dengan cabaran peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan antarabangsa serta ketidakpastian yang menyelubungi prospek pertumbuhan global dan jangkaan inflasi. Walaupun terdapat petanda pertumbuhan ekonomi dunia yang

lebih perlahan, harga makanan dan bahan api global terus meningkat, menyebabkan kenaikan inflasi di seluruh dunia. Inflasi di Malaysia melonjak 7.7% pada bulan Jun dan 8.5% pada bulan Julai 2008, dengan purata 4.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008 disebabkan oleh harga makanan dan bahan api yang lebih tinggi. Sungguhpun risiko terhadap pertumbuhan yang lebih perlahan dan inflasi yang lebih tinggi semakin ketara, tiada perubahan dasar monetari dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008. Walau bagaimanapun, perkembangan semasa akan terus dipantau dengan teliti dan tindak balas dasar monetari yang bersesuaian akan diambil sekiranya terdapat perubahan terhadap prospek pertumbuhan dan inflasi.

Perkembangan Monetari

Penawaran wang dan pembiayaan sektor swasta berkembang pesat...

Penawaran wang terus berkembang dalam tempoh enam bulan pertama 2008 dengan **M1** meningkat 17.8% dan **M3** sebanyak 14.2% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 19.6%; 9.5%). Pengembangan **M1** atau **wang secara kecil**, mencerminkan penempatan deposit permintaan

yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dan peningkatan mata wang dalam edaran. Pertumbuhan **M3** atau **wang secara luas** didorong oleh peningkatan dalam operasi luar bersih sebanyak RM57.1 bilion, seperti di *Jadual 5.1*, mencerminkan rizab antarabangsa bersih yang lebih tinggi berikutan aliran masuk pelaburan dan perdagangan yang mapan. Peningkatan jumlah pinjaman terkumpul dan pegangan sekuriti oleh sistem perbankan (RM43.1 bilion) juga menyumbang kepada pengembangan M3.

Kadar faedah kekal stabil dalam persekitaran mudah tunai sistem perbankan yang mencukupi pada tempoh enam bulan pertama 2008. Berikutan OPR tidak berubah pada paras 3.50% sejak bulan April 2006, kadar pinjaman asas bank perdagangan juga kekal pada paras 6.72% pada akhir bulan Jun 2008. Bagaimanapun, berikutan peningkatan kadar inflasi kepada 8.5% pada bulan Julai 2008 (2007: 2.0%), kadar pulangan benar deposit tetap bagi tempoh matang 1 bulan sehingga 12 bulan yang berada antara 3.08% dan 3.70% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 3.08% – 3.70%) telah menjadi negatif.

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang dengan kukuh sebanyak 18.6% kepada RM349.9 bilion dalam tempoh Januari – Jun 2008 (Januari – Jun 2007: 5.3%; RM294.9 bilion), seperti di *Carta 5.1*. Peningkatan ini disumbang oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi berjumlah RM313.9 bilion dengan sektor isi rumah dan pembuatan menyumbang lebih separuh daripada jumlah pinjaman dikeluarkan. Jumlah dana yang dijana dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) terus berkembang sebanyak 23.9% kepada RM33.2 bilion (Januari – Jun 2007: RM26.8 bilion), manakala terbitan ekuiti meningkat kepada RM2.8 bilion (Januari – Jun 2007: RM2.2 bilion).

Dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi domestik yang mapan, kesemua penunjuk pembiayaan sistem perbankan berkembang dalam tempoh enam bulan pertama 2008. **Permohonan pinjaman** mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 18.3%, begitu juga bagi **kelulusan pinjaman** sebanyak 11.2% dan **pengeluaran pinjaman** sebanyak 18.0% (Januari – Jun 2007:

JADUAL 5.1


Faktor Penentu M3 Januari – Jun

	Perubahan (RM juta)	
	2007	2008
M3	28,309.2	67,717.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-19,737.8	-3,621.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	21,295.9	43,129.8
Pinjaman	20,938.2	39,520.7
Sekuriti	357.7	3,609.1
Operasi luar bersih	75,499.2	57,148.4
Bank Negara Malaysia	49,354.2	75,155.2
Sistem perbankan	26,145.0	-18,006.9
Pengaruh lain	-48,748.0	-28,938.8

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.1

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



¹ Pada akhir Jun 2008.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

40.2%; 48.7%; 0.6%), seperti di *Jadual 5.2*. Jumlah pinjaman terkumpul juga berkembang dengan kukuh sebanyak 11.7% kepada RM685.9 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 8.6%; RM644.2 bilion), seperti di *Carta 5.2*.

Permohonan dan kelulusan pinjaman kepada sektor perniagaan menurun 5.9% dan 18.0% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 60.9%; 142.2%). Walau bagaimanapun, selepas mengecualikan kemudahan pinjaman penyambung bersindiket yang besar pada bulan Mei dan Jun 2007, permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 29.8% dan 20.6%. Sementara itu, pengeluaran pinjaman mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 21.5% kepada RM124.3 bilion (Januari – Jun 2007: 5.0%; RM102.3 bilion), terutama untuk kegunaan modal kerja (55.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman). Pengeluaran pinjaman sebahagian besarnya

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Jun

Penunjuk	RM bilion		Pertumbuhan tahunan (%)	
	2007	2008	2007	2008
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	203.0	240.2	40.2	18.3
Kelulusan pinjaman	136.3	151.6	48.7	11.2
Pengeluaran pinjaman	266.0	313.9	0.6	18.0
Pinjaman terkumpul ²	614.0	685.9	6.0	11.7
di mana:				
Sektor perniagaan³				
Permohonan pinjaman	65.5	61.7	60.9	-5.9
Kelulusan pinjaman	56.2	46.1	142.2	-18.0
Pengeluaran pinjaman	102.3	124.3	5.0	21.5
Pinjaman terkumpul ²	141.5	166.2	6.9	17.5
PKS				
Permohonan pinjaman	44.3	53.0	38.2	19.6
Kelulusan pinjaman	25.0	28.2	39.6	12.7
Pengeluaran pinjaman	67.9	81.6	1.8	20.1
Pinjaman terkumpul ²	108.9	122.0	5.0	12.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	86.1	118.9	27.3	38.2
Kelulusan pinjaman	52.6	73.0	13.4	38.9
Pengeluaran pinjaman	79.2	92.0	4.5	16.1
Pinjaman terkumpul ²	342.1	374.0	7.3	9.3

¹ Jumlah sektor termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain)


² Pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.

³ Sektor perniagaan tidak termasuk sektor PKS

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul¹ dan Pertumbuhan



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

disalurkan kepada sektor pembuatan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan serta pembinaan, seperti di *Jadual 5.3*.

Sementara itu, inisiatif yang diambil sejak beberapa tahun lalu telah membantu meningkatkan peratusan pinjaman PKS kepada 43% daripada jumlah pinjaman perniagaan institusi perbankan pada akhir bulan Jun 2008 berbanding 30% pada tahun 1999. Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan kepada PKS meningkat 12.0% kepada RM122 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 9.1%; RM114.2 bilion). Sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; dan pembuatan mencakupi RM61.2 bilion atau separuh daripada jumlah keseluruhan pinjaman terkumpul PKS. Selain itu, enam Tabung Khas yang ditadbir oleh BNM mencatatkan kadar penggunaan sebanyak 148.7% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 139%). Di samping itu, pinjaman kepada PKS oleh IKP juga meningkat kepada RM14 bilion pada akhir bulan Jun

2008 (akhir 2007: RM13.8 bilion). Penubuhan Biro Kredit SME yang mula beroperasi pada 1 Julai 2008 merupakan inisiatif penting di bawah Syarikat Jaminan Kredit (CGC) untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan. BNM juga telah menubuhkan dua kemudahan pembiayaan berjumlah RM1.2 bilion pada bulan Ogos 2008. Kemudahan Bantuan PKS sebanyak RM700 juta telah disediakan kepada PKS yang menghadapi masalah kewangan dan untuk tujuan penstrukturan semula pinjaman berikutan kenaikan kos. Sejumlah RM500 juta disediakan untuk Kemudahan Pemodenan PKS bagi membiayai pemodenan operasi dan pembelian kelengkapan penjimatan tenaga.

Di samping itu, usaha yang giat telah diambil bagi meningkatkan akses perkhidmatan kewangan kepada semua segmen masyarakat, khususnya perusahaan mikro. Pembangunan industri pembiayaan mikro penting untuk menggalakkan penyertaan kewangan, memandangkan 80% daripada PKS di Malaysia terdiri daripada perusahaan mikro, dengan hanya 13% sahaja mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan (rujuk rencana *Pembiayaan Mikro di Malaysia*).

Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah kekal kukuh, berkembang 38.2%, 38.9% dan 16.1% pada tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 27.3%; 13.4%; 4.5%) dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi dan kadar faedah yang stabil. Kelulusan pinjaman perumahan berkembang dengan kukuh sebanyak 43.1% kepada RM30 bilion (Januari – Jun 2007: 27.8%; RM20.9 bilion) disokong oleh pengecualian cukai keuntungan harta tanah pada bulan April 2007 dan pengecualian 50% duti setem bagi pembelian rumah berharga RM250,000 dan ke bawah seperti yang diumumkan dalam Bajet 2008. Pinjaman sektor isi rumah merangkumi RM374 bilion atau 54.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: RM358.1 bilion; 55.6%).

Penggunaan kad kredit kekal tinggi dengan transaksi merangkumi pembelian dan pendahuluan tunai berkembang 17.0% kepada RM30.8 bilion

JADUAL 5.3

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran Pinjaman				Pinjaman Terkumpul			
	Akhir 2007		Jan – Jun 2008		Akhir 2007		Akhir Jun 2008	
	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)
Perusahaan Perniagaan	372.5	64.7	205.8	65.6	264.6	41.1	288.2	42.0
Syarikat besar	230.9	40.1	124.3	39.6	150.5	23.4	166.2	24.2
PKS ¹	141.5	24.6	81.6	26.0	114.2	17.7	122.0	17.8
Sektor terpilih								
Pertanian primer	14.1	2.4	8.0	2.5	13.9	2.2	15.0	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.3	1.2	0.4	1.6	0.2	1.8	0.3
Perkilangan (termasuk asas tani)	135.1	23.5	76.1	24.2	74.5	11.6	81.9	11.9
Elektrik, gas dan bekalan air	1.3	0.2	1.3	0.4	3.8	0.6	4.0	0.6
Perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	91.9	16.0	54.8	17.5	56.5	8.8	60.7	8.8
Pembinaan	32.6	5.7	18.0	5.7	32.1	5.0	34.3	5.0
Harta tanah	12.3	2.1	7.7	2.4	20.2	3.1	22.7	3.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	32.2	5.6	6.6	2.1	15.1	2.3	17.8	2.6
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	45.7	7.9	29.3	9.3	39.9	6.2	43.2	6.3
Isi rumah	169.6	29.4	92.0	29.3	358.1	55.6	374.0	54.5
Pembelian harta kediaman	43.0	7.5	23.9	7.6	174.4	27.1	181.7	26.5
Pembelian kereta penumpang	32.4	5.6	19.4	6.2	102.3	15.9	106.9	15.6
Kredit penggunaan ²	77.6	13.5	42.3	13.5	49.9	7.7	52.2	7.6
Di mana:								
Kad kredit	57.1	9.9	30.8	9.8	22.8	3.5	23.3	3.4
Sektor lain-lain	33.9	5.9	16.1	5.1	21.4	3.3	23.7	3.5
Jumlah³	575.9	100.0	313.9	100.0	644.2	100.0	685.9	100.0

¹ Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.² Kredit penggunaan= kad kredit + kegunaan persendirian + barangan pengguna.³ Jumlah = perniagaan + isi rumah + sektor lain-lain.

Nota: Jumlah mungkin tidak bersamaan disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 18.1%; RM26.3 bilion). Struktur harga berperingkat (TPS) untuk pengguna kad kredit telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2008 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan pengurusan kewangan berhemat. Di bawah TPS, pengguna kad kredit yang mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan menyelesaikan baki kad kredit akan menikmati pengurangan caj kewangan antara 15%

dan 17% setahun berbanding 18% sebelumnya. Pada masa yang sama, pengguna yang hanya membuat pembayaran sebahagian daripada baki akaun tidak lagi akan menikmati tempoh 20 hari tanpa faedah ke atas transaksi pembelian baru. Selain itu, penggunaan TPS juga bertujuan untuk menggalakkan penggunaan kad debit/ATM sebagai instrumen pembayaran alternatif, sejajar dengan objektif untuk mempercepat peralihan kepada pembayaran secara elektronik.

Pembiayaan Mikro di Malaysia

Pengenalan

Pembasmian kemiskinan kekal sebagai teras utama Kerajaan dengan beberapa program khas dilaksana untuk mengurangkan kemiskinan serta merapatkan jurang pendapatan dan wilayah. Pembiayaan mikro merupakan alat yang penting untuk membasmi kemiskinan. Kewangan mikro merujuk kepada penyediaan pelbagai perkhidmatan kewangan seperti pinjaman, deposit, pindahan wang, perkhidmatan pembayaran dan insurans kepada golongan miskin, isi rumah berpendapatan rendah dan perusahaan mikro.

Pengalaman beberapa negara seperti Bangladesh, Indonesia dan Mexico, jelas menunjukkan kejayaan pembiayaan mikro dalam usaha mengeluarkan golongan miskin daripada belenggu kemiskinan. Projek Milenium Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, satu badan penasihat bebas yang dilantik pada tahun 2002 untuk mencadangkan strategi terbaik bagi memenuhi Matlamat Pembangunan Milenium, juga mengiktiraf bahawa *"pembiayaan mikro merupakan salah satu strategi dan pendekatan pembangunan yang praktikal dan patut disokong dan dilaksanakan demi mencapai hasrat tinggi untuk mengurangkan separuh daripada kemiskinan dunia"*.

Program Pembiayaan Mikro di Malaysia

Program pembiayaan mikro di Malaysia bertujuan mengurangkan kemiskinan melalui pemberian pinjaman kecil kepada isi rumah miskin untuk membiayai aktiviti penjana pendapatan. Beberapa institusi yang terlibat dalam memberikan pembiayaan mikro, termasuk koperasi dan badan bukan Kerajaan (NGO). Institusi pembiayaan mikro yang lebih dikenali ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional (TEKUN). AIM telah mencapai kejayaan yang menggalakkan dalam mengurangkan kemiskinan luar bandar, manakala TEKUN menyumbang kepada pembangunan usahawan bumiputera melalui pembiayaan mikro.

Pembangunan industri pembiayaan mikro di Malaysia terus berkembang berikutan beberapa inisiatif bagi meningkatkan lagi akses terhadap perkhidmatan kewangan untuk semua segmen masyarakat. Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa perusahaan mikro¹ mencakupi kira-kira 80% daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia. Banci ini juga mendapati hanya 13% daripada perusahaan mikro ini bergantung kepada institusi kewangan untuk mendapatkan pembiayaan. Dalam pada itu, PKS mewakili 99% daripada jumlah keseluruhan institusi perniagaan, menyediakan peluang pekerjaan kepada 5.6 juta orang dan menyumbang 35.0% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Justeru, terdapat potensi yang besar untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi. Sehubungan itu, kedudukan industri pembiayaan mikro yang mapan penting bagi memastikan PKS, terutama perusahaan mikro mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi dan berterusan daripada sistem kewangan formal.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Rangka Kerja Keinstitusian Pembiayaan Mikro telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2006 merangkumi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan koperasi kredit untuk membangunkan industri pembiayaan mikro yang mapan. Memandangkan kekangan dana dan jangkauan yang dihadapi oleh Kerajaan, penglibatan institusi perbankan dalam industri pembiayaan mikro penting kerana mempunyai sumber dan rangkaian cawangan untuk capaian yang lebih meluas. Bank Simpanan Nasional telah diberikan mandat untuk menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dan individu yang berniaga, sementara Bank Pertanian Malaysia yang kini dikenali sebagai Agrobank akan menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia pula menyediakan pembiayaan mikro kepada anggota koperasi dan kekal penting kerana membolehkan anggotanya mengumpul sumber untuk menyertai perniagaan.

¹ Ditakrifkan sebagai entiti perniagaan yang memiliki kurang daripada 5 orang pekerja sepenuh masa atau nilai jualan tahunan kurang daripada RM250,000 dalam sektor pembuatan dan kurang daripada RM200,000 dalam sektor pertanian utama dan perkhidmatan.

Amanah Ikhtiar Malaysia

AIM ditubuhkan pada bulan September 1987 dengan objektif “*membantu isi rumah miskin untuk keluar daripada kemiskinan melalui peruntukan pembiayaan ikhtiar untuk membiayai aktiviti penjana pendapatan*”. Dengan rangkaian 48 cawangan di Semenanjung serta 21 cawangan di Sabah dan Sarawak, AIM telah mencapai jangkauan seramai 190,900 sahabat pada akhir bulan Jun 2008, meningkat daripada hanya 3,220 sahabat pada tahun 1990. Sehingga kini, AIM telah mengeluarkan pembiayaan mikro berjumlah RM2.6 bilion kepada sahabatnya, dengan hampir 100% terdiri daripada wanita.

Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, sebahagian besar pinjaman AIM berjumlah RM163.3 juta atau 63.3% daripada jumlah pinjaman telah diberikan untuk aktiviti ekonomi, termasuk perniagaan, pertanian, pembuatan, ternakan dan perkhidmatan. Sebanyak 35.6% lagi disalurkan terutama untuk pembaikan dan pengubahsuaian rumah serta pembelian barangan pengguna untuk membolehkan sahabat meningkatkan kualiti kehidupan.

AIM yang pada awalnya memberi fokus kepada membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar, kini ia telah dipertanggungjawab untuk menangani kemiskinan di kawasan bandar. AIM telah melancarkan Program Kewangan Mikro Bandar (PKMB) pada bulan April 2008 dengan peruntukan awal sebanyak RM100 juta. Program ini baru sahaja dimulakan di Kuala Lumpur dan akan diperluas ke bandar utama yang lain di seluruh negara.

Dari segi impak, hasil enam kajian impak yang telah dijalankan mendapati perubahan ketara dalam pendapatan sahabat selepas menerima bantuan pembiayaan mikro daripada AIM secara berterusan, seperti di *Jadual 1*. Peningkatan pendapatan membolehkan isi rumah miskin untuk keluar daripada garis kemiskinan (lihat Pendapatan Garis Kemiskinan di *Jadual 2*).

JADUAL 1:
Kajian Impak oleh AIM

Bil.	Tahun	Pendapatan (RM)		Peningkatan	
		Sebelum	Selepas	RM	%
1.	1988	142	220	78	54.9
2.	1990	142	460	318	223.9
3.	1990 – 1991	198	465	267	134.8
4.	1991 – 1993	223	532	309	138.6
5.	1994 – 1995	201	760	559	278.1
6.	2004 – 2005	321	1,904	1,583	493.1

Sumber: Amanah Ikhtiar Malaysia.

JADUAL 2
Pendapatan Garis Kemiskinan (RM / bulan), 1987 – 2007

Tahun	1987	1989	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007
Sem. Malaysia	350	370	405	425	454	510	529	661	720
Sabah	533	544	582	601	626	685	690	888	960
Sarawak	429	452	492	516	535	584	600	765	830

Nota: PGK 1987 – 2002 dikira menggunakan metodologi 1977.
PGK 2004 – 2007 dikira menggunakan metodologi 2005.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Program pembiayaan mikro AIM telah memanfaatkan golongan miskin dan membantu mereka keluar daripada belunggu kemiskinan. Bagaimanapun dari perspektif dasar, adalah penting pada suatu ketika, peminjam pembiayaan mikro mampu berdikari dari segi kewangan. Ini memerlukan peminjam pembiayaan mikro bersifat lebih dinamik dan mempunyai semangat ingin berjaya yang merupakan penentu utama dalam memastikan daya tahan usahawan dan perusahaan mikro.

Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional

TEKUN Nasional yang sebelum ini dikenali sebagai Yayasan TEKUN telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun 1998 bagi menyediakan pembiayaan mikro kepada usahawan kecil bumiputera. TEKUN memainkan peranan penting dalam pembangunan usahawan bumiputera melalui penyediaan akses yang mudah untuk pembiayaan mikro selain memberi bimbingan perniagaan dan perkhidmatan sokongan. Selain itu, TEKUN juga menyediakan pelan tabungan untuk menggalakkan usahawan melabur simpanan mereka ke dalam perniagaan. TEKUN mempunyai 193 cawangan di seluruh negara dan telah menyediakan pembiayaan mikro berjumlah RM893 juta kepada 147,546 usahawan sejak 1999 hingga akhir bulan Jun 2008. Dari bulan Ogos 2008, caj perkhidmatan pinjaman TEKUN akan dikurangkan daripada 8% kepada 4% bagi meringankan beban usahawan terutama ketika menghadapi peningkatan kos.

Inisiatif penting TEKUN pada tahun 2008 adalah pengembangan program pembiayaan mikro kepada belia kaum India di bawah program Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) dengan peruntukan RM3 juta. Program SPUMI dijalankan dengan kerjasama Yayasan Strategik Sosial (YSS), sebuah NGO yang memberi tumpuan kepada pembangunan holistik masyarakat India.

Penglibatan Institusi Kewangan Dalam Pembiayaan Mikro

Sejak 2006, terdapat perkembangan menggalakkan terhadap penglibatan institusi kewangan dalam penyediaan pembiayaan mikro. Sehingga bulan Julai 2008, sembilan institusi kewangan iaitu enam institusi perbankan dan tiga IKP telah menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dan yang bekerja sendiri. Akses kepada produk pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi kewangan lebih mudah, cepat dan senang tanpa memerlukan cagaran serta hanya melibatkan dokumentasi yang minimum. Yang lebih penting, pembiayaan mikro boleh didapati di cawangan dan pelbagai saluran pengedaran lain serta rakan kongsi strategik institusi kewangan berkenaan. Permintaan pembiayaan mikro semakin menggalakkan di mana jumlah pinjaman terkumpul sebanyak RM224.7 juta telah disediakan kepada 22,799 akaun pelanggan pembiayaan mikro dengan purata pinjaman RM9,800 pada akhir 2007. Jumlah pinjaman terkumpul pembiayaan mikro terus berkembang 147% kepada RM353.2 juta, manakala jumlah pelanggan meningkat 121% kepada 34,524 pada akhir bulan Jun 2008.

Kesimpulan

Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu isi rumah miskin dan usahawan bumiputera di samping meningkatkan akses pembiayaan kepada perusahaan mikro. Pelbagai program pembiayaan AIM telah membantu golongan miskin untuk keluar daripada belunggu kemiskinan dan memperbaiki kehidupan mereka, sementara TEKUN pula menyumbang kepada pembangunan usahawan bumiputera. Selain itu, peningkatan akses kepada pembiayaan mikro berikutan penglibatan institusi perbankan dan IKP telah meningkatkan peluang perusahaan mikro untuk terus berkembang dan mempertingkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi terutama dari segi pewujudan peluang pekerjaan dan penjaan pendapatan.

Perkembangan Terkini Syarikat Jaminan Kredit

CGC ditubuhkan pada tahun 1972 untuk menyediakan jaminan perlindungan dan membantu PKS yang tidak mempunyai cagaran atau cagaran yang tidak mencukupi untuk mendapatkan kemudahan kredit daripada institusi kewangan. Sehingga akhir 2007, CGC telah menjamin sejumlah RM38.8 bilion memanfaatkan sebanyak 378,450 PKS. Dalam tempoh lima bulan pertama 2008, CGC telah memberikan jaminan pinjaman berjumlah RM1,032 juta, dengan sebahagian besar disalurkan kepada PKS dalam sektor perniagaan am seperti perniagaan runcit dan borong serta perkhidmatan lain melibatkan sejumlah RM815 juta atau 79.0% daripada jumlah pinjaman.

Pada tahun 2005, CGC telah menjalani proses transformasi untuk memberikan sokongan yang lebih efektif kepada PKS. CGC kini berupaya menyediakan pelbagai produk pemangkin kredit, khidmat rundingan kewangan dan pembangunan perniagaan serta khidmat informasi kredit kepada PKS. Pencapaian penting CGC ialah penubuhan biro kredit pertama khusus untuk PKS di Malaysia yang beroperasi pada 1 Julai 2008. Biro Kredit PKS berperanan sebagai sumber rujukan maklumat kewangan yang boleh dipercayai untuk PKS dan bakal pembiaya. Selaku sebuah pusat setempat untuk bank mendapatkan maklumat mengenai PKS, biro ini membantu meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan kewangan serta mengurangkan tempoh masa pemprosesan pinjaman.


Inisiatif penting terkini yang lain, termasuk meluaskan skop jaminan untuk melindungi pembiayaan oleh bank Islam dan IKP; memperkenalkan satu skim jaminan baru (Skim Jaminan Laluan Terus Start-up) untuk PKS memulakan perniagaan dan skim untuk membantu PKS yang ditawarkan kontrak Kerajaan (Skim Jaminan Bank Terus) serta menyertai penssekuritan sintetik pinjaman PKS Malaysia buat julung kalinya yang berjumlah RM600 juta. Penssekuritan yang dilaksanakan pada bulan Mei 2007 telah membolehkan PKS memperoleh dana daripada pasaran modal.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan untuk menggalakkan lagi penggunaan pembayaran secara elektronik dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan, fi urus niaga bagi pembayaran yang dibuat oleh institusi kewangan bagi pihak pelanggan yang menggunakan sistem penyelesaian kasar masa nyata (RENTAS) telah dikurangkan daripada RM2.50 kepada RM1.50 berkuatkuasa 15 Julai 2008. Selain itu, Komisen Pertukaran Dalaman sedia ada sebanyak 0.03% untuk pemindahan dana juga telah dimansuhkan.

Prestasi **ringgit** bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau dalam tempoh separuh pertama 2008, seperti di *Carta 5.3*. Prestasi ringgit telah dipengaruhi oleh peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan dan perubahan sentimen pelabur terhadap ekonomi serantau. Ringgit meningkat 1.0% kepada RM3.2740 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) disokong oleh kemasukan dana berterusan dan asas ekonomi yang teguh. Ringgit juga meningkat 1.2% kepada RM6.5267 berbanding paun sterling pada akhir bulan Jun 2008 berikutan penyusutan nilai paun ekoran pertumbuhan ekonomi United Kingdom (UK) yang lebih perlahan. Ringgit turut mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau, meningkat antara 0.1% – 13.2% berbanding baht, peso dan won serta menyusut antara 0.8% dan 5.2% berbanding mata wang rupiah, dolar Singapura dan yuan.

Dari akhir bulan Jun sehingga 15 Ogos 2008, prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau berikutan ketidakpastian pertumbuhan ekonomi global dan volatiliti pasaran kewangan yang berterusan. Dalam tempoh tersebut, ringgit menyusut 2.0% berbanding dolar AS, tetapi mengukuh 4.7% dan 4.8% berbanding paun sterling dan euro. Berbanding mata wang serantau, ringgit menyusut nilai antara 0.9% hingga 2.9% berbanding baht, peso, yuan, rupiah dan won, tetapi mengukuh berbanding dolar Singapura (1.7%) dan yen (1.8%).

CARTA 5.3

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Perkembangan Terkini Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Peraturan pentadbiran pertukaran asing terus dilonggarkan secara progresif. Liberalisasi ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing Malaysia melalui usaha mengurangkan kos kendalian perniagaan, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian pengawalseliaan serta memudahkan akses kepada pembiayaan.

1 Januari 2008

Bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian pengawalseliaan, keperluan untuk menyerahkan laporan berikut kepada Bank Negara Malaysia telah dimansuhkan:

- ⌘ Penyata Akaun Luar Negeri bagi akaun yang disenggara oleh syarikat pemastautin dengan bank pesisir; dan
- ⌘ Penyata Akaun Antara Syarikat bagi akaun yang disenggara oleh syarikat pemastautin dengan syarikat bukan pemastautin.

15 Januari 2008

Bagi menyokong pembangunan pasaran komoditi niaga hadapan di Malaysia, kelonggaran berikut diberikan:

- ⌘ Pelaburan oleh pemastautin dalam kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah denominasi USD (USD FUPO) di Bursa Malaysia dikecualikan daripada peraturan pelaburan dalam aset mata wang asing, sekiranya kontrak dijelaskan dalam ringgit; dan

- β Broker komoditi niaga hadapan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dibenarkan bertindak sebagai ejen bagi bank tempatan berlesen untuk memberikan sebut harga kadar pertukaran bagi memudahkan penyelesaian dagangan USD FUPU dengan Bursa Malaysia.

28 Mei 2008

Bagi meningkatkan lagi kecekapan perniagaan, kelonggaran diberi kepada pemastautin untuk meminjam mata wang asing dan ringgit seperti berikut:

- β Syarikat pemastautin bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada syarikat induk bukan pemastautin bukan bank, syarikat pemastautin lain dalam kumpulan korporat yang sama di Malaysia dan bank tempatan berlesen;
- β Syarikat pemastautin bebas untuk memperoleh sebarang amaun kredit pembekal untuk barangan modal dalam mata wang asing daripada pembekal bukan pemastautin;
- β Syarikat pemastautin atau individu pemastautin bebas untuk membiayai semula pinjaman mata wang asing terkumpul (pokok dan faedah);
- β Syarikat pemastautin dibenarkan untuk meminjam dalam ringgit daripada syarikat induk bukan pemastautin bukan bank untuk membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia;
- β Syarikat pemastautin atau individu meminjam sehingga RM1 juta secara agregat daripada bukan pemastautin bukan bank yang lain untuk kegunaan di Malaysia; dan
- β Bank tempatan berlesen, syarikat pemastautin atau individu bebas memberi pinjaman bagi sebarang amaun dalam ringgit kepada bukan pemastautin bukan bank untuk membiayai aktiviti sektor benar di Malaysia.

Perkembangan Sektor Kewangan


Kedudukan Sistem Perbankan

Sistem perbankan kekal teguh...

Sistem perbankan kekal teguh dan berdaya tahan disokong oleh pemodalan yang kukuh, keuntungan yang lebih tinggi dan kualiti aset yang bertambah baik. Pemodalan institusi perbankan yang diukur dari segi nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) kekal 13% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 13.2%), lebih tinggi daripada keperluan minimum Basel sebanyak 8%, seperti di *Carta 5.4*. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan yang belum diaudit meningkat 30.2% kepada RM10.8 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (2007: 36.7%; RM17.7 bilion) dipacu sebahagian besar oleh hasil yang mapan daripada aktiviti berkaitan pinjaman, pengurusan kekayaan dan portfolio serta perkhidmatan remitan.

CARTA 5.4

Sistem Perbankan: NPL Kasar¹, Nisbah NPL Bersih¹ dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko¹



¹ Pada akhir Jun 2008.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kualiti aset portfolio pinjaman terus bertambah baik dengan pinjaman tidak berbayar bersih (NPL) mencecah paras terendah sepanjang 10 tahun dalam tempoh enam bulan pertama 2008. Kedudukan yang lebih baik ini disokong oleh klasifikasi semula NPL yang lebih tinggi kepada status berbayar dan pemulihan pinjaman yang lebih baik sejajar dengan keadaan ekonomi yang menggalakkan, di samping usaha berterusan untuk mengukuhkan penyataimbangan institusi perbankan melalui hapus kira pinjaman, penssekuritan dan penjualan outright. NPL berdasarkan klasifikasi 3 bulan berkurangan RM4.9 bilion kepada RM36.9 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: RM41.8 bilion). Justeru, nisbah NPL bersih juga bertambah baik kepada 2.7% (akhir 2007: 3.2%).

Perlindungan Pengguna

Rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif...

Rangka kerja perlindungan pengguna telah diperkukuh dengan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan kesedaran di kalangan pengguna serta memastikan mekanisme penebusan mencukupi. Antara inisiatif yang telah diambil termasuk penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyediakan khidmat kaunseling kredit dan pengurusan hutang; Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang mentadbir sistem insurans deposit untuk melindungi pendeposit serta menggalakkan kestabilan kewangan; talian BNMLINK yang menyediakan bantuan terhadap pertanyaan dan aduan bagi pelanggan masuk terus (*walk-in*); BNMTELELINK yang mengendalikan pertanyaan dan aduan secara bertulis dan lisan serta Biro Perantaraan Kewangan yang membantu menyelesaikan pertikaian antara pengguna dan institusi kewangan.

Perkembangan Terkini Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

AKPK yang ditubuhkan pada bulan April 2006 merupakan satu langkah pencegahan awal untuk mengatasi masalah berkaitan kewangan isi rumah. AKPK menyediakan perkhidmatan kaunseling, pendidikan dan penstrukturan kredit secara percuma kepada pelanggan. AKPK telah mengembangkan perkhidmatan untuk mencapai segmen penduduk yang lebih luas dengan membuka tiga buah cawangan baru di Melaka, Perak dan Pahang pada tahun 2007, selain pejabat wilayah sedia ada yang terletak di kelima-lima cawangan BNM. Dalam tempoh masa yang singkat, bilangan individu yang mendapatkan perkhidmatan AKPK meningkat dengan ketara daripada 6,800 orang pada tahun 2006 kepada 25,300 pada tahun 2007. Dalam tempoh lima bulan pertama 2008, sejumlah 19,800 individu telah mendapatkan perkhidmatan AKPK menjadikan jumlah keseluruhan seramai 52,000 individu. Sejak awal tahun 2007 sehingga bulan Jun 2008, pengguna kad kredit merangkumi 78% daripada jumlah individu yang mendapatkan bantuan di bawah program pengurusan hutang, melibatkan hutang berjumlah RM249 juta.

AKPK juga terus menyumbang ke arah memperbaiki pendidikan kewangan terutama di kalangan belia. Bagi tujuan ini, AKPK telah membangunkan modul Pendidikan Kewangan Peribadi untuk diajar di peringkat universiti. Ini bertujuan menyediakan siswazah untuk berdepan dengan cabaran menguruskan kewangan mereka dengan bijaksana pada permulaan kerjaya mereka. Bermula bulan Julai 2008, modul ini telah diterapkan dalam sistem kurikulum oleh lapan buah universiti, manakala tujuh buah universiti lagi menunjukkan minat terhadap modul tersebut. Selain itu, AKPK turut bekerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara bagi memberikan pendidikan kewangan peribadi kepada para pelatih.

Perkembangan Terkini Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

PIDM yang ditubuhkan pada tahun 2005 menandakan satu inisiatif penting dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna dan menggalakkan kestabilan kewangan. PIDM mentadbir sistem deposit insurans Malaysia, menggantikan sebarang jaminan terdahulu yang disediakan oleh Kerajaan terhadap deposit yang disimpan dalam institusi kewangan berlesen. Sistem insurans deposit menggalakkan kestabilan sistem kewangan dengan memberikan perlindungan deposit yang eksplisit kepada pendeposit, sekiranya berlaku keadaan di mana institusi kewangan tidak berupaya untuk memenuhi tuntutan kewangan.

PIDM memberikan perlindungan sehingga RM60,000 termasuk wang pokok dan faedah kepada setiap pendeposit di setiap institusi anggota. Perlindungan berasingan diberikan kepada pendeposit bagi deposit Islam dan deposit konvensional, akaun bersama dan akaun amanah serta deposit akaun pemilikan tunggal, perkongsian dan firma profesional. Sistem insurans deposit Malaysia dibiayai oleh premium yang dibayar oleh setiap institusi anggota. Keanggotaan dalam sistem deposit insurans wajib untuk setiap bank komersial, termasuk subsidiari bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan institusi perbankan Islam. Sehingga akhir bulan Jun 2008, PIDM mempunyai 35 institusi anggota, merangkumi 22 bank komersial dan 13 bank Islam. Memandangkan Malaysia mempunyai sistem dwiperbankan, PIDM mentadbir dua dana secara berasingan iaitu Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional. Sehingga akhir 2007, deposit yang diinsuranskan berjumlah RM191.5 bilion.

Pada bulan Mei 2008, PIDM telah melaksanakan Sistem Premium Berbeza (DPS), sejajar dengan mandat untuk menggalakkan pengurusan risiko yang kukuh dalam sistem kewangan. Di bawah sistem DPS ini, premium yang dibayar oleh setiap institusi anggota akan dinilai berdasarkan profil risiko setiap anggota berbanding kadar rata 0.06% ke atas jumlah deposit yang diinsuranskan sebelum ini. PIDM merupakan pengendali insurans

deposit pertama di Asia Tenggara yang menggunakan pakai sistem DPS berasaskan amalan terbaik antarabangsa dan disesuaikan dengan sistem perbankan Malaysia. PIDM juga aktif dalam usaha meningkatkan kesedaran pengguna terhadap sistem deposit insurans.

Bank Pelaburan

Bank pelaburan semakin berkembang...

Kemunculan bank pelaburan telah meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan tempatan untuk mengambil peluang perniagaan di peringkat domestik dan serantau, memperluas rangkaian produk dan perkhidmatan serta memperkukuh kelebihan persaingan. Bank pelaburan dikawal selia bersama oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti (SC), dengan BNM bertanggungjawab terhadap kawal selia berhemat untuk memastikan kestabilan dan keutuhan kewangan, manakala SC bertanggungjawab terhadap kawal selia perniagaan dan gelagat pasaran bagi menggalakkan integriti pasaran dan perlindungan pelabur. Pelaksanaan rangka kerja bank pelaburan telah mencapai kemajuan membanggakan sejak diperkenalkan pada tahun 2005 dengan 13 buah bank pelaburan telah beroperasi. Sehingga bulan Julai 2008, hanya dua bank saudagar dan satu broker universal yang masih belum bertukar menjadi bank pelaburan.

Kemajuan Pelan Induk Sektor Kewangan

Pelaksanaan PISK seperti dirancang...

PISK dilancarkan pada bulan Mac 2001, bertujuan untuk membangunkan sistem kewangan yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan dinamik bagi menyokong ekonomi serta menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi. Ia menggariskan beberapa strategi untuk pembangunan sektor kewangan Malaysia dari tahun 2001 sehingga

2010. Inisiatif pembaharuan dan pembangunan ini memberi tumpuan kepada tiga teras menyeluruh iaitu pembangunan kapasiti institusi domestik, kepelbagaian sektor kewangan serta deregulasi dan liberalisasi sektor kewangan secara berperingkat.

Beberapa inisiatif telah diambil ke arah mencapai objektif tersebut dalam tempoh enam bulan pertama 2008, termasuk menggalakkan cadangan dan usaha untuk konsolidasi antara institusi kewangan domestik serta mewujudkan kerjasama strategik dengan institusi kewangan asing. Dalam tempoh yang sama, BNM telah meluluskan tujuh permohonan bagi memulakan perbincangan untuk penggabungan dan pengambilalihan. Kelulusan juga diberikan kepada sebuah institusi kewangan dari Emiriah Arab Bersatu untuk memperoleh pegangan ekuiti dalam sebuah kumpulan perbankan domestik.

Perkembangan Kewangan Islam

Kewangan Islam mencatat perkembangan memberangsangkan...

Malaysia kekal sebagai peneraju dalam kewangan Islam. Pasaran modal Islam domestik (ICM) mempunyai pelbagai produk patuh syariah, termasuk sukuk, ekuiti, dana unit amanah, dana dagangan bursa (ETF) dan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT). ICM Malaysia telah mencatatkan pencapaian utama, termasuk menjadi penerbit sukuk global berdaulat yang pertama di dunia pada tahun 2002. Malaysia juga merupakan pasaran sukuk terbesar dunia dengan USD66 bilion atau 62.6% daripada terbitan terkumpul sukuk global pada akhir bulan Jun 2008. Sehingga kini, sukuk terbesar di dunia sebanyak RM15.4 bilion (USD4.8 bilion) telah diterbitkan oleh sebuah syarikat Malaysia pada tahun 2007. REIT Islam pertama di dunia dan ETF Islam pertama di Asia juga disenaraikan di Malaysia. Selain itu, pasaran modal tempatan berjaya menarik beberapa entiti asing seperti Bank Dunia dan *International Finance Corporation* untuk menerbitkan sukuk denominasi ringgit. Malaysia juga merupakan antara pasaran takaful terbesar dan paling komprehensif di dunia. Sebuah syarikat

retakaful baru dengan jumlah modal sebanyak USD300 juta, merupakan yang terbesar di dunia, sedang dalam proses penubuhan.

Inisiatif MIFC yang dilancarkan pada bulan Ogos 2006 terus mengalami perkembangan menggalakkan. Inisiatif ini bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat originasi, pengagihan dan perdagangan bagi instrumen kewangan Islam. Pada bulan Jun 2008, MIFC telah dinamakan sebagai “Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Terbaik” dalam *Annual London Sukuk Summit Awards of Excellence* yang kedua. Sehingga akhir bulan Jun 2008, terdapat satu bank Islam antarabangsa dan satu pengendali takaful antarabangsa menjalankan aktiviti perniagaan mata wang asing di Malaysia. Selain itu, terdapat juga 11 bank Islam, dua bank komersial, satu bank pelaburan dan enam pengendali takaful telah menubuhkan unit perniagaan mata wang antarabangsa (ICBU). ICBU bank dibenarkan untuk menjalankan perbankan Islam komersial, perbankan pelaburan dan aktiviti perbankan lain dalam mata wang asing, manakala ICBU pengendali takaful dibenarkan untuk menjalankan takaful dan retakaful bukan ringgit. SC juga telah meliberalisasikan sepenuhnya penyertaan antarabangsa dalam industri dana Islam dengan memansuhkan sekatan terhadap pemilikan dan pelaburan ke luar negara.

Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang telah ditubuhkan pada tahun 2006 terus memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan modal insan industri perkhidmatan kewangan Islam domestik dan global. Sejak penubuhannya, INCEIF telah berkembang pesat dengan lebih daripada 1,000 pelajar dari 46 buah negara mendaftar dalam program persijilan profesional kewangan Islam. Pada bulan Januari 2008, INCEIF telah memperkenalkan program PhD dalam kewangan Islam, manakala program Sarjana kewangan Islam telah dilancarkan pada bulan Jun 2008. Pada bulan Mac 2008, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam kewangan Islam (ISRA) telah ditubuhkan di INCEIF. ISRA merupakan sebuah pusat penyelidikan dengan fokus strategik untuk bertindak sebagai pusat pengumpulan fatwa serta membangunkan pakar syariah dan menggalakkan pemahaman syariah.

Bajet 2008 telah memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas fi yang diterima berkaitan aktiviti pengurusan dana Islam sementara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menyalur RM7 bilion untuk diuruskan oleh syarikat pengurusan dana Islam (IFMC). Pada bulan Julai 2008, SC telah memberikan kelulusan kepada tiga institusi kewangan terkemuka untuk menubuhkan IFMC di Malaysia. IFMC akan memainkan peranan penting dalam pengantarabangsaan ICM Malaysia.

SC telah mengambil beberapa inisiatif pada tahun 2008 untuk terus mempromosi dan mengukuhkan ICM domestik. Ini termasuk menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Antarabangsa bagi memberi panduan strategik dan perspektif antarabangsa untuk ICM dan menganjurkan Forum Pasaran Modal Islam Antarabangsa semi tahunan sebagai satu platform untuk pertukaran idea dan pandangan secara ilmiah bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman kewangan Islam. Selain daripada itu, SC turut memperkenalkan Program Felo Jemputan ICM dengan pakar tersohor dalam bidang kewangan Islam antarabangsa yang akan ditempatkan di Universiti Malaya bagi menggalakkan dan memperkasa penyelidikan dalam ICM serta mengumpulkan peraturan syariah dari seluruh dunia untuk dijadikan sumber rujukan.

Perbankan Islam

Perbankan Islam berkembang pesat...

Pemodalan **sistem perbankan Islam** kekal teguh dengan RWCR sebanyak 15.1% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 15.6%), setelah mengambil kira pelaksanaan rangka kerja kecukupan modal untuk bank Islam yang telah disemak semula pada bulan Januari 2008. Rangka kerja ini menetapkan pendekatan standard bagi pengiraan modal, di samping mencerminkan perbezaan pada dasar kontrak dan mengambil kira unsur khusus yang hanya wujud dalam perbankan Islam, seperti keperluan modal bagi risiko inventori dan pengolahan akaun pelaburan perkongsian untung. Walaupun pendapatan bersih daripada pembiayaan dan sekuriti meningkat 20.5%, namun keuntungan sebelum cukai merosot 12.6%

kepada RM904.3 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: RM1,034.9 juta) disebabkan oleh kos operasi yang lebih tinggi dan pendapatan bukan pembiayaan yang lebih rendah. Kualiti pembiayaan terus bertambah baik dengan pembiayaan tidak berbayar bersih (bersamaan NPL bersih di bawah perbankan konvensional) berkurang 12.7% kepada RM2.5 bilion, mewakili 2.6% daripada jumlah pembiayaan pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: RM 2.9 bilion; 3.3%).

Jumlah aset berkembang 12.6% kepada RM177 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: RM157.2 bilion), merangkumi 13.6% daripada jumlah aset sistem perbankan, seperti di *Jadual 5.4*. Deposit meningkat 17.0% kepada RM142.7 bilion (akhir 2007: RM122 bilion), menyumbang 13.6% kepada jumlah keseluruhan deposit sistem

JADUAL 5.4

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	RM juta		Perubahan (%)
	Akhir 2007	Akhir Jun 2008	
Aset	157,157.7	177,002.4	12.6
Deposit	121,974.6	142,727.9	17.0
di mana:			
Pelaburan	57,588.9	65,196.5	13.2
Simpanan	13,559.9	14,479.0	6.8
Permintaan	25,169.6	25,134.2	-0.1
Lain-lain	25,656.1	37,918.2	47.8
Pembiayaan	89,865.1	97,524.7	8.5
di mana:			
Pertanian primer	2,615.7	2,618.0	0.1
Perkilangan (termasuk asas tani)	9,727.2	10,492.0	7.9
Perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	4,787.6	5,628.9	17.6
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	4,159.4	4,163.1	0.1
Isi rumah	55,163.1	58,519.8	6.1

Sumber: Bank Negara Malaysia.

perbankan. Pembiayaan meningkat 8.5% kepada RM97.5 bilion meliputi 14.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (akhir 2007: RM89.9 bilion). Pembiayaan kekal tertumpu kepada sektor isi rumah membabitkan RM58.5 bilion atau 60.0% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir 2007: RM55.2 bilion).

Industri Insurans

Insurans motor kembali pulih...

Industri insurans kekal teguh dengan pengembangan perniagaan yang mapan dan peningkatan solvensi. Jumlah pendapatan premium industri insurans meningkat 19.5% kepada RM15.6 bilion dalam tempoh separuh pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 10.0%; RM13 bilion).

Sektor **insurans hayat** mencatatkan bilangan premium perniagaan baru yang lebih rendah, menguncup 12.8% kepada RM3.4 bilion (Januari – Jun 2007: 19.7%; RM3.9 bilion), seperti di *Jadual 5.5*, berikutan jualan polisi baru berkaitan pelaburan dan endowmen yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, polisi berkaitan pelaburan terus memberikan sumbangan yang tinggi iaitu 36.4% daripada premium perniagaan baru. Dari segi saluran pengagihan, bankasurans mencakupi 39.3% daripada premium baru yang dijana, manakala sumbangan pasaran oleh perniagaan agensi meningkat kepada 52.5% (Januari – Jun 2007: 43.6%). Penembusan pasaran insurans hayat, diukur dari segi jumlah polisi berkuat kuasa kepada jumlah penduduk, meningkat kepada 40.1% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir Jun 2007: 39.2%), menggambarkan potensi yang besar untuk meningkatkan penembusan pasaran insurans hayat.

Premium langsung kasar **sektor insurans am** meningkat 8.2% kepada RM5.6 bilion (Januari – Jun 2007: 2.5%; RM5.2 bilion). Segmen motor pulih semula berikutan peningkatan permintaan terhadap kenderaan bermotor hasil daripada pelancaran beberapa siri model terbaru dengan premium langsung kasar motor meningkat 9.9%

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 2007	Akhir Jun 2008 ¹
Perniagaan Insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,337.5	617.6
Jumlah diinsuranskan	185,066.0	117,128.0
Jumlah premium	7,587.0	3,397.0
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	10,909.8	11,053.3
Jumlah diinsuranskan	722,679.4	740,754.0
Premium tahunan	14,538.8	14,713.0
Pendapatan premium	18,773.9	11,004.4
Bayaran manfaat	9,653.6	6,964.5
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	10,046.4	5,629.5
Premium bersih	8,186.7	4,488.2
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	1,030.6	321.7
Nisbah bendungan ² (%)	90.3	92.4
Bilangan syarikat insurans		
Langsung:		
Hayat	8	8
Am	25	25
Komposit	8	8
Penginsuranaan semula:		
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Data awal.

² Premium bersih kepada premium kasar dan premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

kepada RM2.4 bilion dalam tempoh separuh pertama 2008 (Januari – Jun 2007: -1.3%: RM2.2 bilion). Peningkatan ini turut disokong oleh segmen bukan motor seperti marin, penerbangan dan transit, kebakaran, perbelanjaan perubatan dan kemalangan diri serta insurans lain yang meningkat 7.0% kepada RM3.2 bilion (Januari – Jun 2007: 5.5%; RM3.0 bilion).

Kedudukan solvensi industri insurans kekal teguh dengan peningkatan dalam lebih agregat solvensi sebelum audit kepada RM16.5 bilion pada akhir bulan Jun 2008. Sektor insurans hayat mencatat lebih pendapatan yang lebih rendah berbanding perbelanjaan berjumlah RM4.6 bilion. Nisbah margin penaja jaminan untuk sektor insurans am sebanyak 0.1% (Januari – Jun 2007: 0.5%) berikutan tuntutan yang rendah dengan nisbah tuntutan menurun kepada 65.4% (Januari – Jun 2007: 68.3%). Bagaimanapun, keuntungan operasi merosot 42.2% berikutan peruntukan bersih yang lebih tinggi untuk penyusutan nilai pelaburan sebanyak RM134.8 juta (Januari – Jun 2007: RM27.1 juta) akibat volatiliti yang tinggi dalam pasaran ekuiti.

Sejajar dengan pertumbuhan dalam perniagaan, aset terkumpul industri insurans berkembang 9.6%

kepada RM127.6 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 2008, seperti di *Jadual 5.6*. Agihan aset kekal tertumpu kepada ekuiti korporat dan sekuriti hutang serta sekuriti Kerajaan, meliputi 67.0% daripada jumlah aset. Perniagaan insurans hayat kekal mewakili bahagian terbesar sebanyak 83.8% daripada jumlah aset industri insurans.

Industri insurans telah mencapai kemajuan yang menggalakkan dari segi usaha konsolidasi. Sejak tahun 1998, industri insurans digalakkan untuk melaksanakan konsolidasi bagi meningkatkan persaingan antara peserta industri di samping membentuk sektor insurans yang teguh, efektif dan efisien. Usaha ini memberi hasil positif dengan bilangan syarikat insurans berkurangan kepada 41 pada bulan Jun 2008 daripada 56 pada tahun 1999. Ini dipermudah dengan kelonggaran yang diberikan kepada institusi kewangan domestik dengan membenarkan pelbagai rundingan dengan pembida berpotensi secara serentak. Insentif juga diberikan kepada syarikat insurans yang bergabung dengan atau memperoleh syarikat insurans yang lain. Kini, tujuh buah syarikat insurans telah diberikan kebenaran untuk mengadakan perbincangan bagi tujuan penggabungan dan pengambilalihan.

JADUAL 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am
(RM juta)

	Insurans Hayat		Insurans Am	
	Akhir 2007	Akhir Jun 2008	Akhir 2007	Akhir Jun 2008
Harta benda, loji dan kelengkapan	483.3	502.6	783.0	772.6
Pinjaman	11,470.2	11,714.5	238.0	220.3
Pelaburan	72,128.7	74,606.5	10,404.4	10,856.0
Sekuriti Kerajaan	17,362.8	17,654.0	3,506.2	3,692.8
Sekuriti hutang dan korporat	53,140.8	55,179.4	6,415.2	6,696.0
Pelaburan lain	1,625	1,773.1	483.0	467.1
Pelaburan harta tanah	2,986.5	3,030.5	242.0	243.4
Tunai dan deposit	11,770.7	13,093.1	6,165.6	6,352.6
Aset lain ¹	3,663.6	3,982.8	2,078.5	2,267.6
Jumlah	102,502.9	106,930.0	19,911.4	20,712.4

¹ Termasuk pelaburan lain dan dana asing lain.

Nota: Jumlah mungkin tidak bersamaan disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Satu langkah pengawalseliaan penting dalam industri insurans telah berkuat kuasa pada tahun 2008 berikutan pelaksanaan rangka kerja Modal Berasaskan Risiko (RBC) pada bulan Januari. Rangka kerja RBC memerlukan setiap penanggung insurans mengekalkan paras kecukupan modal yang lebih sensitif kepada pendedahan risiko berbanding keperluan kesolvenan sedia ada. Rangka kerja ini juga mengamalkan keperluan penilaian pasaran yang lebih telus dan konsisten, selaras dengan objektif untuk menggalakkan ketelusan dan kebolehbandingan yang lebih baik antara peserta dalam sektor kewangan. Di bawah rangka kerja ini, penanggung insurans yang diurus dengan lebih baik akan diberikan lebih kelonggaran untuk menguruskan portfolio pelaburan dan perniagaan mereka.

Industri Takaful

Pertumbuhan kukuh dipacu oleh takaful keluarga...

Industri takaful berkembang kukuh dalam tempoh enam bulan pertama 2008 dengan jumlah pendapatan sumbangan takaful meningkat 23.0% kepada RM1.4 bilion (Januari – Jun 2007: 34.7%; RM1.1 bilion), mencakupi 8.5% daripada jumlah premium industri insurans pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 8.3%). Bagi sektor takaful keluarga, sumbangan perniagaan baru meningkat dengan kukuh sebanyak 98.1% kepada RM1 bilion (Januari – Jun 2007: 41.5%), didorong oleh peningkatan dalam segmen berkaitan pelaburan berikutan pelancaran produk baru pada awal tahun 2008 dan pertumbuhan pesat produk endowmen yang dicatatkan oleh pengendali takaful baru. Sumbangan perniagaan baru bagi segmen berkaitan pelaburan berkembang lebih dua kali ganda kepada RM351.2 juta (Januari – Jun 2007: RM152.1 juta). Penembusan pasaran yang diukur berasaskan jumlah sijil takaful keluarga yang masih berkuat kuasa berbanding jumlah penduduk telah meningkat kepada 8.2% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 7.7%). Dalam sektor takaful am, jumlah sumbangan bersih menyusut 6.7% berikutan penurunan dalam insurans kebakaran sebanyak 34.2%

kepada RM97.6 juta (Januari – Jun 2007: 2.2%; RM148.3 juta), dan marin, penerbangan dan transit sebanyak 46.0% kepada RM13.8 juta (Januari – Jun 2007: 12.0%; RM25.5 juta). Aset takaful berkembang 25.1% kepada RM9.6 bilion pada akhir Jun 2008 dan menyumbang 6.9% kepada jumlah aset industri insurans, seperti di *Jadual 5.7*.

JADUAL 5.7

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Akhir 2007	Akhir Jun 2008
Aset (RM juta)	8,818.3	9,564.7
Aset tetap	13.5	10.8
Pembiayaan	48.3	47.9
Pelaburan	7,613.3	8,323.4
Sekuriti Kerajaan	777.9	808.6
PDS dan ekuiti	3,871.3	4,458.3
Deposit pelaburan	2,964.1	3,056.5
Tunai dan baki di bank	186.2	207.3
Lain-lain	957.0	975.3
Perniagaan takaful keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah caruman (RM juta)	1,486.6	1,003.3
Jumlah penyertaan (RM juta)	55,080.6	53,587.3
Bilangan sijil	490,709	225,136
Perniagaan berkuat kuasa:		
Jumlah caruman (RM juta)	990.1	1,159.2
Jumlah penyertaan (RM juta)	148,457.8	161,086.2
Bilangan sijil	2,101,827	2,247,309
Perniagaan takaful am		
Caruman kasar (RM juta)	767.6	404.6
Tuntutan bersih dibayar (RM juta)	218.6	109.5

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Institusi Kewangan Pembangunan

Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan IKP...

IKP memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan sektor utama seperti pertanian, pembuatan, PKS dan pembangunan infrastruktur. Beberapa langkah telah dilaksanakan untuk terus meningkatkan keberkesanan dan kecekapan serta memperkukuh IKP dalam usaha melaksanakan mandat yang diberi.

Rangka Kerja Modal untuk IKP telah dikeluarkan pada bulan Februari 2008 untuk terus mengukuhkan dan memelihara kedudukan modal IKP. Rangka kerja ini merangkumi satu set keperluan modal yang komprehensif iaitu mengekalkan paras modal minimum sebanyak RM300 juta untuk memastikan keperluan kewangan mencukupi bagi menjalankan operasi perniagaan secara berterusan. Selain itu, IKP dikehendaki untuk mengekalkan tahap minimum RWCR sebanyak 8% pada setiap masa serta mengekalkan dana rizab termasuk memindahkan kepada dana peratusan tertentu daripada keuntungan bersih apabila RWCR jatuh di bawah paras ambang yang ditentukan oleh BNM.

Pada 1 April 2008, Bank Pertanian Malaysia telah dikorporatkan menjadi Bank Pertanian Malaysia Berhad, dan dikenali sebagai Agrobank. Ia kini dikawal selia di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2007 dengan modal berbayar ditingkatkan kepada RM1 bilion. Agrobank akan menjadi lebih berkesan dalam menyokong strategi Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sektor pertanian dan asas tani. Ia akan menyediakan produk kewangan dan bukan kewangan yang inovatif serta perkhidmatan yang lebih meluas kepada pelanggan meliputi petani kecil hingga syarikat korporat yang terlibat dalam perniagaan pertanian dan asas tani. Agrobank dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (*MoF Inc.*). Bagi memastikan aktiviti yang dijalankan selari dengan mandat yang diamanahkan, Agrobank akan kekal di bawah bidang kuasa Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

Garis panduan mengenai penglibatan IKP dalam pasaran antara bank juga telah dikeluarkan bagi membolehkan IKP mendapat sumber dana yang

lebih murah daripada pasaran. Berkuat kuasa dari 1 Julai 2008, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) telah diberikan kelulusan untuk terlibat sepenuhnya dalam pasaran antara bank. Selain itu, penstrukturan semula Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (Bank SME) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) telah dijalankan bagi menyelaraskan semula aktiviti dan struktur institusi mereka. Penstrukturan semula ini yang diselesaikan pada 1 April 2008 telah mengasingkan Bank SME daripada Bank Pembangunan dan Bank SME kini diletakkan di bawah *MoF Inc.* Objektif penstrukturan semula ini bertujuan bagi memperkasa Bank SME sebagai institusi kewangan khusus untuk menggalakkan strategi nasional dalam pembangunan PKS serta membolehkan bank tersebut mempunyai kawalan yang lebih baik dalam pengagihan sumber dan kemudahan bagi menyokong operasi perniagaan.

Aktiviti pembiayaan IKP berkembang 4.5% kepada RM68.1 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: RM65.2 bilion), seperti di *Jadual 5.8*. Pengembangan ini mencerminkan pembiayaan yang lebih tinggi untuk kredit penggunaan dan sektor perkhidmatan. Kredit penggunaan, terutama yang diberikan oleh Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional, bertambah 11.9% kepada RM26.8 bilion disokong oleh permintaan pengguna yang mapan. Pinjaman kepada sektor perkhidmatan meningkat 6.5% kepada RM12.6 bilion dengan pembiayaan yang lebih tinggi untuk sektor utiliti, perdagangan am dan perkhidmatan perniagaan. IKP terus menyokong pembangunan PKS dengan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak RM14 bilion, mencakupi 20.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Deposit dan pinjaman daripada Kerajaan kekal sebagai sumber utama dana PKS, menyumbang 66.7% daripada jumlah sumber IKP.

Perkembangan Pasaran Modal

Kemajuan Pelan Induk Pasaran Modal

85% perakuan CMP telah selesai...

Pelan Induk Pasaran Modal (**CMP**) yang dilancarkan pada tahun 2001 telah menggariskan hala tuju strategik pasaran modal Malaysia

JADUAL 5.8

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Haluan Berian Pinjaman

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	Akhir 2007	Akhir Jun 2008	Akhir 2007	Akhir Jun 2008
Pertanian primer	4,017.3	4,014.0	6.2	5.9
Perkilangan	5,793.7	5,555.5	8.9	8.2
Perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	1,094.9	1,271.2	1.7	1.9
Pembinaan	8,130.3	8,173.6	12.5	12.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,531.2	5,501.5	8.5	8.1
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	1,306.8	1,649.0	2.0	2.4
Lain-lain	39,332.2	41,966.7	60.3	61.6
Jumlah	65,206.4	68,131.5	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

bagi tempoh sepuluh tahun. Pelaksanaan CMP kini berada pada Fasa 3 (2006 – 2010) dengan 129 atau 85% daripada 152 perakuan telah diselesaikan. Fasa 3 CMP menumpukan usaha meningkatkan daya saing pasaran modal Malaysia di peringkat antarabangsa. Ini termasuk meningkatkan kecekapan perantaraan terhadap tabungan domestik dan serantau yang besar dan menambah daya tarikan pasaran modal kepada pelabur dan penerbit bon domestik dan antarabangsa. Usaha juga terus ditumpukan kepada pewujudan persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan penjanaan kekayaan dan pertumbuhan yang menyeluruh serta mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi originasi dan perdagangan instrumen Islam serta perkhidmatan pengurusan kekayaan.

2007: 77.3%; RM57 bilion). Setelah mengambil kira penebusan, dana bersih yang diperoleh kekal tinggi sebanyak RM40.2 bilion (Januari – Jun 2007: RM32.3 bilion), seperti di *Jadual 5.9*. Terbitan sekuriti kerajaan berkembang 4.3% kepada RM26.8 bilion (Januari – Jun 2007: RM25.7 bilion) dengan sebahagian besarnya untuk membiayai projek pembangunan. Sektor swasta menjana RM33.7 bilion daripada pasaran PDS (Januari – Jun 2007: RM28.5 bilion), termasuk terbitan tujuh bon denominasi ringgit berjumlah RM6.3 bilion oleh entiti bukan pemastautin. Terbitan bon Islam kekal kukuh dengan nota jangka sederhana dan bon Islam merangkumi 34.0% daripada jumlah PDS yang diterbitkan.

Dari segi sektoral, sebanyak RM13.7 bilion atau 50.8% daripada jumlah PDS diterbitkan oleh sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dengan sebahagian besarnya digunakan untuk modal kerja serta menyokong aktiviti kewangan seperti di *Jadual 5.10*. Antara tujuan terbitan PDS ialah untuk membiayai aktiviti baru yang merupakan bahagian terbesar mencakupi RM22.6 bilion atau 84.0%, sementara aktiviti pembiayaan semula hutang sedia ada merangkumi RM4.3 bilion atau 16.0%.

Dana Yang Diperoleh di Pasaran Modal

Penjanaan dana yang lebih tinggi...

Dana kasar yang diperoleh dalam **pasaran modal** meningkat 13.8% kepada RM64.8 bilion pada tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun

JADUAL 5.9

Dana yang Diperolehi di Pasaran Modal
Januari – Jun
(RM juta)

	2007	2008 ¹
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	19,215.4	21,316.5
Bon Khazanah	524.4	0.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	6,500.0	5,500.0
Bon Simpanan Merdeka	0.0	1,483.1
Sekuriti hutang baru Kerajaan	26,239.8	28,299.6
Tolak: Penebusan	8,153.2	6,650.3
Dana bersih diperolehi	18,086.6	21,649.3
Oleh Sektor Swasta		
Saham²		
Tawaran awam permulaan	1,085.2	490.3
Terbitan hak	889.5	2,018.1
Tawaran khas	185.5	0.0
Waran	10.5	290.2
Terbitan saham baru	2,170.7	2,798.6
Sekuriti hutang³ (kasar)		
Bon biasa	2,910.6	13,756.4
Bon boleh tukar	30.8	204.9
Bon Islam	5,958.0	4,477.5
Bon bersandarkan aset	3,540.3	1,200.0
Nota jangka sederhana ³	14,363.1	13,566.0
Bon Cagamas	1,750.0	540.7
Terbitan baru sekuriti hutang	28,552.8	33,745.5
Tolak: Penebusan⁴	16,427.4	17,996.0
Sekuriti hutang baru	8,240.0	6,595.0
Dana bersih diperolehi	14,296.2	18,548.1
Jumlah dana bersih diperolehi	32,382.8	40,197.4

¹ Data awal.

² Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

³ Termasuk bon yang diterbitkan oleh institusi perbankan.

⁴ Termasuk bon biasa, bon dengan waran, bon boleh tukar dan bon Islam.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.10

Terbitan Baru PDS Mengikut Sektor¹
Januari – Jun

Sektor	2007		2008 ²	
	RM juta	% Sumb.	RM juta	% Sumb.
Pembuatan (termasuk asas tani)	2,008.4	7.8	120.0	0.4
Elektrik, gas dan bekalan air	9,118.2	35.5	2,536.1	9.4
Perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	54.0	0.2	-	-
Pembinaan	3,897.2	15.2	4,789.6	17.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,710.0	6.7	5,582.4	20.7
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	8,894.9	34.6	13,666.7	50.8
Kerajaan dan lain-lain	20.0	0.1	230.0	0.9
Jumlah	25,702.7	100.0	26,924.8	100.0

¹ Tidak termasuk bon Cagamas dan bon dikeluarkan oleh entiti bukan pemastautin.

² Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sementara itu, dana yang diperolehi dalam pasaran ekuiti meningkat 29.0% kepada RM2.8 bilion (Januari – Jun 2007: RM2.2 bilion).

Pasaran Ekuiti

KLCI terjejas oleh perkembangan luar...

Pada umumnya, pasaran ekuiti terjejas disebabkan oleh perkembangan luar pada tahun 2008. Ini termasuk ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan ekonomi AS berikutan krisis gadai janji subprima dan pasaran perumahan yang lemah, di samping kenaikan mendadak harga makanan dan bahan api yang mencetuskan kebimbangan mengenai peningkatan inflasi dan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan. Tanda aras Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) memulakan tahun 2008 dengan meyakinkan disokong

oleh harga minyak sawit mentah (CPO) yang lebih tinggi dan jangkaan bahawa pilihan raya umum diadakan lebih awal. Justeru, KLCI telah mencecah paras tertinggi iaitu 1,516.22 mata pada 11 Januari. Pada 10 Mac, bagaimanapun, pemutus litar telah tercetus buat pertama kalinya sejak diperkenal pada 2002, berikutan pembetulan pasaran yang mendadak dalam KLCI selepas keputusan pilihan raya umum. KLCI jatuh 123.11 mata atau 9.5% kepada 1,173.22 mata berbanding penutup 1,296.33 mata pada 7 Mac.

Sentimen pelabur terus terjejas ekoran peningkatan kebimbangan terhadap kemelesetan ekonomi di AS dan kenaikan harga bahan api yang mendadak. Ini menyebabkan KLCI jatuh sebanyak 258.46 mata atau 17.9% kepada 1,186.57 mata pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 1,445.03 mata). Jumlah urus niaga pasaran menurun 60.4% kepada 82.3 bilion unit dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 100.5%; 208 bilion unit), seperti di *Jadual 5.11*, manakala purata urus niaga harian susut 60.1% kepada 679.9 juta unit (Januari – Jun 2007: 98.8%; 1,705.1 juta unit). Jumlah nilai urus niaga pasaran juga berkurang 38.1% kepada RM185.4 bilion (Januari – Jun 2007: 144.7%; RM299.4 bilion). Nilai pasaran turut menyusut 18.5% kepada RM901.2 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: RM1,106.2 bilion).

Pasaran saham utama dan serantau ditutup dalam persekitaran negatif dengan mencatat penurunan dua angka dalam tempoh enam bulan pertama 2008. Pasaran yang terjejas teruk ialah Ho Chi Minh (-57.0%), Shanghai (-48.0%), Mumbai (-33.6%) dan Manila (-32.1%), seperti di *Carta 5.5*. Dalam tempoh yang sama, KLCI telah menyusut 17.9% dengan semua indeks sektoral juga mencatat penurunan. Indeks yang mencatatkan penurunan yang lebih kecil ialah sektor perladangan (-2.0%) dan sektor barangan pengguna (-6.7%), seperti di *Jadual 5.12*. Prestasi sektor perladangan telah diimbangi oleh harga minyak sawit mentah (CPO) yang lebih tinggi, manakala barangan pengguna disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Dalam tempoh akhir Jun sehingga 15 Ogos 2008, KLCI menyusut 7.7% kepada 1,095.05 mata disebabkan oleh ketidakpastian

JADUAL 5.11

Bursa Malaysia: Penunjuk Indeks Terpilih Januari – Jun

	2007	2008
Indeks harga¹		
Komposit	1,354.38	1,186.57
FBMEMAS	9,107.91	7,900.36
FBM2BRD ²	–	5,535.59
FBM-MDQ ²	–	4,404.77
Jumlah urus niaga³		
Bilangan (juta unit)	208,025.0	82,267.4
Nilai (RM juta)	299,428.7	185,363.1
Purata urus niaga harian³		
Bilangan (juta unit)	1,705.1	679.9
Nilai (RM juta)	2,454.3	1,531.9
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	1,088,282.1	901,237.0
Nilai pasaran ¹ /KDNK (%)	169.6	125.9
Jumlah syarikat disenaraikan¹		
Papan Utama	642	638
Papan Kedua	241	223
Pasaran MESDAQ	129	125
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga / nilai pasaran (%)	27.5	20.6
Jumlah urus niaga / jumlah sekuriti disenaraikan (%)	58.5	21.6
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/nilai pasaran (%)	33.8	36.5

¹ Akhir tempoh.

² Berkuatkuasa pada 1 November 2007

³ Berdasarkan urus niaga pasaran sahaja semasa tempoh.

Sumber: Bursa Malaysia.

yang berterusan terhadap pertumbuhan ekonomi global, volatiliti dalam pasaran kewangan serta kejatuhan harga komoditi.

Sungguhpun keadaan pasaran yang kurang menggalakkan, pasaran ekuiti kekal sebagai saluran penting untuk menjana dana. Dalam tempoh separuh pertama 2008, sejumlah 14 syarikat baru telah disenaraikan di Bursa Malaysia melibatkan empat di Papan Utama, lima di Papan Kedua dan lima di Pasaran MESDAQ (2007: 26 penyenaraian), manakala tujuh syarikat telah menswastakan saham mereka. Penswastan ini telah mengakibatkan pengurangan RM6.6 bilion atau 0.6% daripada jumlah nilai pasaran pada akhir tahun 2007. Bilangan syarikat yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada akhir bulan Jun 2008 ialah 986 (akhir 2007: 987). Sebanyak RM3.8 bilion dana digembleng dalam tempoh Januari – Jun 2008, mencakupi hampir 23.0% daripada RM16.7 bilion pada tahun 2007.


Industri Unit Amanah

Unit amanah kekal dominan...

Industri unit amanah domestik merupakan yang terbesar di Asia Tenggara, menyumbang lebih 70% kepada industri pengurusan pelaburan negara.

Industri ini terus berkembang dalam tempoh enam bulan pertama 2008, berikutan pelancaran dana baru yang membawa kepada peningkatan bilangan unit dalam edaran. Sebanyak 35 dana baru telah diperkenal, menjadikan sejumlah 530 pada akhir bulan Jun 2008, seperti di *Jadual 5.13*. Pelabur terus melihat unit amanah sebagai instrumen pelaburan berdaya maju seperti yang digambarkan oleh pertumbuhan bilangan akaun dan unit dalam edaran sebanyak 14.4% dan 10.7%. Segmen unit amanah Islam terus cergas dengan pelancaran lapan dana baru menjadikan keseluruhan 136, sementara nilai aset bersih (NAV) meningkat 6.6% kepada RM18.0 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 128 dana Islam; 83.9%; RM16.9 bilion). Bagaimanapun, NAV keseluruhan industri unit amanah menurun 5.6% kepada RM159 bilion, mewakili 17.7% daripada nilai permodalan pasaran Bursa Malaysia pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: 39.0%: RM169.4 bilion; 15.3%), sejajar dengan penyusutan KLCI.

Pengurus dana unit amanah terus mempelbagaikan portfolio pelaburan ke dalam pasaran asing, berikutan langkah liberalisasi ke atas paras ambang



JADUAL 5.12

Bursa Malaysia: Prestasi Indeks

Indeks	Akhir 2007	Akhir Jun 2008	Perubahan (%)
Komposit	1,445.03	1,186.57	-17.9
FBMEMAS	9,810.83	7,900.36	-19.5
FBM2BRD ¹	6,732.35	5,535.59	-17.8
FBM-MDQ ²	6,109.16	4,404.77	-27.9
FBM30	9,343.67	7,656.73	-18.1
FBM70	9,944.61	7,639.54	-23.2
FBM100	9,502.36	7,679.58	-19.2
FBMSCAP	12,260.97	9,631.36	-21.5
FBMFLG	8,867.29	7,054.25	-20.5
FBMEMAS Syariah	10,533.13	8,587.00	-18.5
FBMHJRAH Syariah	11,660.06	9,723.32	-16.7
Barangan perusahaan	114.58	99.47	-13.2
Barangan pengguna	343.89	320.94	-6.7
Perdagangan/ Perkhidmatan	196.26	154.42	-21.3
Harta benda	1,035.66	698.68	-32.5
Perusahaan	3,014.43	2,558.26	-15.1
Kewangan	10,905.35	8,746.18	-19.8
Pembinaan	313.04	207.82	-33.6
Perladangan	8,089.30	7,924.93	-2.0
Perlombongan	429.61	354.63	-17.5
Teknologi	24.42	18.08	-26.0

¹ Berkuat kuasa 1 November 2007, FBM2BRD telah menggantikan Indeks Papan Kedua.

² Berkuat kuasa 1 November 2007, FBM-MDQ telah menggantikan Indeks Pasaran MESDEQ.

Sumber: Bursa Malaysia.

bagi pelaburan di luar negara yang dinaikkan secara berperingkat kepada 50% daripada NAV dana pemastautin pada bulan April 2007. Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, 27 unit dana amanah baru telah dilancarkan bagi pelaburan dalam pasaran asing. Pada akhir bulan Jun 2008, 11 dana telah melakukan pelaburan sebanyak RM401 juta dalam aset asing, menjadikan jumlah dana dilaburkan dalam pasaran asing sebanyak 160 dengan nilai pelaburan sebanyak RM13.3 bilion.

REIT dan ETF secara beransur-ansur telah mula mencapai momentum pertumbuhan. Walaupun jumlah REIT, termasuk dua REIT Islam yang disenaraikan di Bursa Malaysia kekal pada 13 (akhir 2007: 13 REIT), namun saiz aset telah meningkat kepada RM7.7 bilion pada akhir bulan Jun 2008 (akhir 2007: RM7.0 bilion). SC telah meluluskan REIT swasta yang pertama pada bulan Februari 2008. Sementara itu, ETF Islam pertama di Asia telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada bulan Januari, menjadikan jumlah ETF kepada tiga dalam tempoh enam bulan pertama 2008. Nilai permodalan pasaran ETF pada akhir bulan Jun 2008 meningkat sebanyak RM1.2 bilion (akhir 2007: RM531.8 juta).

JADUAL 5.13

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2007	Akhir Jun 2008
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	39	39
Jumlah dana unit amanah ¹	495	530
Konvensional	367	394
Islam	128	136
Unit dalam edaran (juta)	208,342	230,659
Bilangan akaun (juta)	12.3	14.4
Jumlah aset bersih (NAV) (RM juta)	169,414	159,849
Konvensional	152,553	141,874
Islam	16,861	17,975
NAV / Nilai pasaran Bursa Malaysia (%)	15.3	17.7

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

Industri REIT dijangkakan berkembang lagi berikutan pengumuman langkah terkini pada bulan Ogos 2008 bagi mempertingkat daya tarikan Bursa Malaysia sebagai sebuah destinasi untuk penyenaraian REIT di samping menggalakkan industri REIT yang cergas dan berdaya saing. Langkah ini termasuk meningkatkan pegangan ekuiti asing dalam REITs kepada 70% daripada 49%; memberi lebih kelonggaran kepada pengurus REIT untuk menguruskan portfolio mereka serta membenarkan pengurus REIT menerbitkan unit sehingga 20% daripada saiz dana tanpa mendapatkan mandat daripada pemegang unit.

Pasaran Derivatif

Niaga hadapan KLCI dan CPO menguasai pasaran...

Dagangan **pasaran derivatif** kekal pada 3.6 juta kontrak dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008 (Januari – Julai 2007: 3.7 juta kontrak), walaupun prestasi pasaran ekuiti kurang cergas. Dagangan tertumpu kepada niaga hadapan KLCI dan CPO, mencakupi 96.4% daripada jumlah urus niaga. Dagangan niaga hadapan KLCI jatuh 2.0% kepada 1.81 juta kontrak (Januari – Julai 2007: 1.85 juta kontrak).

Dagangan niaga hadapan CPO menyusut 3.0% kepada 1.68 juta kontrak (Januari – Julai 2007: 1.73 juta kontrak). Harga CPO pada amnya menjejak pergerakan harga minyak mentah, memandangkan potensi terhadap permintaan CPO sebagai bahan input bagi penghasilan biofuel. Tanda aras niaga hadapan CPO 3 bulan melonjak kepada RM4,486 setan metrik pada awal bulan Mac 2008 seiring dengan aliran menaik harga minyak mentah yang melepasi paras USD100 setong. Justeru, purata harga niaga hadapan CPO 3 bulan dalam tempoh Januari – Julai 2008 turut meningkat dengan mendadak sebanyak 58.4% kepada RM3,484 setan metrik (Januari – Julai 2007: RM2,199 setan metrik). Walau bagaimanapun, seiring

JADUAL 5.14

Sumber Dana Modal Teroka

Sumber	Akhir 2007		Akhir 2006	
	RM juta	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)
Agensi Kerajaan	1,181	35.7	1,348	40.7
Syarikat	1,056	31.9	1,244	37.6
Bank	513	15.5	243	7.3
Pencen & simpanan	62	1.9	24	0.7
Insurans	33	1.0	38	1.2
Asing	308	9.3	249	7.5
Individu	155	4.7	164	5.0
Jumlah	3,308	100.0	3,310	100.0

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

dengan penurunan harga minyak mentah sejak bulan Julai, harga CPO turut menyusut kepada RM2,827 setan metrik pada 8 Ogos 2008.

Industri Modal Teroka

Peningkatan sumber pembiayaan peringkat permulaan...

Industri **modal teroka** (VC) terus berkembang sebagai sumber pembiayaan alternatif, terutama untuk syarikat di peringkat semai, permulaan dan peringkat awal yang menghadapi kesukaran memperoleh pinjaman bank atau pembiayaan menerusi pasaran hutang atau ekuiti. Beberapa inisiatif telah diperkenal oleh Kerajaan untuk menggalakkan industri VC seperti mewujudkan dana VC, menyediakan galakan cukai dan meliberalisasikan pemilikan ekuiti asing. Kerajaan kekal sebagai sumber utama bagi dana VC, mencakupi 36.0% daripada jumlah dana VC pada akhir tahun 2007, seperti di *Jadual 5.14*. Menyedari kepentingan VC dalam pembiayaan peringkat awal, peruntukan VC telah dinaikkan kepada RM1.6 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) (Rancangan Malaysia Kelapan: RM690 juta).

Industri VC terus berkembang dari segi bilangan syarikat modal teroka (VCC) yang meningkat kepada 52 dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) kepada 46 pada akhir tahun 2007 (akhir 2006: 49 VCC; 42 VCMC). Daripada 98 yang berdaftar dengan SC, 93 merupakan 100% milik tempatan, manakala selebihnya merupakan separa milik asing. Jumlah pelaburan VC meningkat 54.0% kepada RM1,784 juta pada tahun 2007 (2006: RM1,159 juta) dengan sebahagian besar pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan sebanyak 66.5% untuk membiayai peringkat pengembangan atau pertumbuhan.

Satu inisiatif penting VC di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah dilancarkan pada bulan Jun 2008 melibatkan kerjasama strategik antara MIMOS Berhad, *Malaysia Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP), *Cradle Fund Sendirian Berhad* (CFSB) dan *Multimedia Development Corporation* (MDeC). Inisiatif yang dikenali sebagai *Innovation Eco-System for Industry Development* bertujuan merangsang pertumbuhan industri baru dan memupuk mereka menjadi peserta global. Inisiatif ini akan membantu syarikat yang memiliki idea perniagaan dengan menyediakan sokongan teknologi dan pembiayaan dari peringkat awal sehingga pengkomersialan.

Prospek 2009

Dasar monetari menyokong pertumbuhan...

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang 5.4% pada tahun 2009 dipacu oleh permintaan domestik yang mapan. Pertumbuhan sederhana ekonomi global dan domestik dalam separuh kedua 2008 dan separuh pertama 2009 dijangka mengurangkan tekanan ke atas harga, membolehkan inflasi keseluruhan berada pada paras sederhana dalam tempoh separuh kedua 2009. Dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan dengan kestabilan harga. Walau bagaimanapun, teras dasar monetari ini bergantung kepada penilaian risiko terhadap pertumbuhan yang mapan dan kestabilan harga.

Prospek pasaran modal dijangka terus menggalakkan pada tahun 2009, disokong oleh pelaksanaan berterusan projek RMKe-9, termasuk lima wilayah koridor ekonomi. Berdasarkan pemerhatian dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penerbit asing dijangka terus menjana dana dalam pasaran modal domestik untuk pembiayaan jangka panjang. Malaysia juga dijangka terus mengorak langkah dalam pembangunan kewangan Islam, seiring dengan peningkatan permintaan global terhadap produk kewangan Islam.

LANGKAH UTAMA PASARAN MODAL

Langkah untuk menggalakkan pasaran modal yang kukuh dan dinamik...

Beberapa langkah dan inisiatif terus diambil dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008 bertujuan untuk mengukuhkan lagi pasaran modal. Langkah utama ini termasuk:

Memperteguh Pasaran Modal Islam

- β Pada 27 Mac 2008, SC telah mengumumkan beberapa inisiatif untuk memperteguh ICM. Inisiatif ini termasuk: mengukuhkan perkongsian melalui usaha kerjasama bagi tujuan pengumpulan dan penerbitan peraturan syariah global; mewujudkan Program Felo Jemputan; menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Antarabangsa bagi menyediakan panduan strategik dan perspektif antarabangsa serta menganjurkan Forum Pasaran Modal Islam Antarabangsa secara semi tahunan.
- β Pada 7 Mei, SC memperkenalkan garis panduan baru dan amalan terbaik untuk menggalakkan penggunaan piawaian yang betul bagi pembangunan industri VC Islam. Garis panduan dan amalan terbaik VC Islam menetapkan syarat minimum bagi penubuhan sesebuah VCC Islam dan VCMC Islam. Di bawah garis panduan tersebut, penasihat syariah mestilah dilantik untuk mewujudkan VCC dan VCMC Islam dan segala aktiviti VC Islam perlu berlandaskan syariah.
- β Pada 14 Julai, SC mengumumkan kelulusan kepada tiga institusi kewangan terkemuka (*Kuwait Finance House (M) Berhad*, *DBS Asset Management Limited* dan *CIMB-Principal Islamic Asset Management Sendirian Berhad*) untuk menubuhkan syarikat pengurusan dana Islam di Malaysia.

Mempromosi Industri Unit Amanah

- β Pada 3 Mac, SC telah mengeluarkan garis panduan yang disemak semula dan baru bertujuan meningkatkan keperluan penzahiran prospektus unit amanah bagi membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan bermaklumat dan bertindak sebagai sumber rujukan tunggal bagi unit amanah yang tidak tersenarai dan juga dana tersenarai seperti REIT, ETF dan dana tertutup. Garis panduan yang disemak semula memberikan lebih kelonggaran dalam menstruktur produk yang inovatif serta membolehkan pengurus dana meningkatkan pulangan kepada pelabur; membenarkan dana unit amanah mempunyai lebih pendedahan dalam instrumen derivatif; memberikan lebih kelonggaran ke atas peruntukan pinjaman sekuriti dan memansuhkan keperluan untuk mendapatkan kebenaran SC di pasaran asing serta membenarkan dana unit amanah membuat pinjaman tunai untuk memenuhi permintaan pembelian semula.

Menggalakkan Pasaran Derivatif

- β Pada 9 Januari, Bursa Malaysia mengumumkan rancangan untuk melancarkan kontrak niaga hadapan CPO dalam denominasi USD, dikenali sebagai FUPO pada tahun ini. Ini bertujuan untuk menarik pedagang dan pelabur asing ke dalam pasaran derivatif. FUPO merupakan kontrak penyelesaian tunai yang menggunakan harga kontrak niaga hadapan

CPO. Kadar pertukaran asing BNM akan digunakan untuk mengira nilai penyelesaian akhir bagi meningkatkan ketelusan harga.

- β Pada 10 April, Bursa Malaysia memperkenalkan Akses Pasaran Langsung (DMA) bagi pasaran derivatif dalam usaha meningkatkan lagi akses kepada pasaran dan kecekapan aktiviti dagangan.

Mempertingkatkan Kecairan Pasaran, Kecekapan dan Daya Saing

- β Pada 1 Januari, struktur baru kadar komisen pembrokeran saham telah berkuat kuasa. Bajet 2008 telah mengumumkan kadar komisen bagi dagangan internet dan transaksi pendahuluan tunai boleh dirunding sepenuhnya bagi mengurangkan kos transaksi; menggalakkan penyertaan pelabur runcit secara terus dalam pelaburan dan perdagangan saham serta menggalakkan penggunaan teknologi dengan lebih meluas dalam pasaran modal. Selain itu, fi penjelasan telah dikurangkan daripada 0.04% kepada 0.03% dengan kadar maksimum RM1,000. Manakala kadar caj minimum bagi aktiviti pembrokeran ditetapkan sebanyak RM40 bagi setiap transaksi. Kadar komisen baru juga merupakan sebahagian daripada pendekatan berperingkat ke arah persekitaran pasaran modal yang lebih deregulasi, kompetitif dan rancak.
- β Pada 7 Januari, Bursa Malaysia telah memperkenalkan Kemudahan Pemadanan Berpusat (CMF), sebuah sistem penyelesaian automatik, bagi membolehkan penyelesaian pemadanan dagangan institusi yang lebih cekap dan cepat.
- β Pada 11 Januari, SC telah memperkenalkan opsyen perumpukan lebihan dan mekanisme penstabilan harga bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing proses penjana dana bagi Tawaran Awam Permulaan (IPOs) seiring dengan amalan terbaik antarabangsa.
- β Pada 28 Januari, Bursa Malaysia telah membuat pindaan utama kepada rangka kerja tadbir urus korporat di bawah Syarat Penyenaraian (bagi Papan Utama dan Papan Kedua) dan Syarat Penyenaraian Pasaran MESDAQ. Pindaan ini termasuk memperkukuh keberkesanan jawatankuasa audit, di mana pengarah eksekutif dilarang menganggotai jawatankuasa audit untuk meningkatkan kebebasan jawatankuasa. Selain itu, fungsi audit dalam telah diwajibkan bagi menyokong jawatankuasa audit dalam menjalankan fungsinya. Pindaan ini akan meningkatkan akauntabiliti, integriti pasaran dan keyakinan pelabur.
- β Pada 31 Januari, SC telah mengeluarkan garis panduan baru bagi meliberalisasikan keperluan penjana dana sebagai sebahagian daripada usaha mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif. Garis Panduan bagi Penawaran Ekuiti dan Sekuriti Berkaitan Ekuiti (untuk Papan Pertama dan Papan Kedua) dan juga Garis Panduan bagi Penawaran Ekuiti dan Sekuriti Berkaitan Ekuiti Pasaran MESDAQ, yang berkuat kuasa 1 Februari 2008 telah memperkenalkan beberapa langkah liberalisasi yang seiring dengan amalan terbaik antarabangsa. Ini termasuk mengenakan kriteria penyenaraian yang sama kepada syarikat dengan aset atau operasi yang berpangkalan di negara asing seperti syarikat yang beroperasi dalam negara. Selain itu, syarikat pembangunan harta tanah yang memohon penyenaraian tidak perlu mempunyai tanah berkeluasan minimum 500 ekar serta membenarkan syarikat yang disenaraikan di Pasaran MESDAQ untuk melakukan pemerolehan aset yang boleh membawa perubahan penting terhadap hala tuju perniagaan mereka.
- β Pada 10 Mac, Bursa Malaysia memperkenalkan Platform Dagangan Elektronik (ETP) bagi pasaran bon. ETP akan dapat meningkatkan ketelusan dan kecairan serta kecekapan dalam dagangan bon.

- β Pada 25 Mac, beberapa inisiatif telah diumumkan di Persidangan Invest Malaysia bagi memperkukuh pasaran saham:
 - Papan Utama dan Papan Kedua akan digabungkan menjadi satu papan yang seragam bagi syarikat yang mempunyai rekod prestasi keuntungan yang kukuh, dengan kriteria kelayakan bagi penyenaraian berasaskan kepada kriteria Papan Kedua yang sedia ada. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kecairan dan memudahkan akses syarikat kepada pasaran ekuiti.
 - Pasaran MESDAQ akan diubah kepada sebuah pasaran dipacu penaja dan berkembang meliputi penyenaraian syarikat baru yang berteknologi dan bukan berteknologi seiring dengan trend antarabangsa.
 - Rangka kerja penggerak pasaran akan diwujudkan untuk Bursa Malaysia meningkatkan kecairan. Penggerak pasaran akan melibatkan pedagang *proprietary* dalam bank komersial dan pelaburan serta pedagang asing.
 - Bagi meliberalisasikan pasaran bon, pelanjutan proses dianggap lulus kini diguna pakai kepada semua penerbit domestik atau asing yang mendapat penarafan AAA daripada agensi penarafan domestik atau sekurang-kurangnya BBB daripada agensi penarafan asing.
 - Membenarkan penubuhan agensi penarafan kredit yang ketiga dengan ekuiti asing sehingga 49% bagi menggalakkan persaingan.

Mempertingkat Keselamatan Pelabur dan Tadbir Urus Korporat

- β Pada 31 Januari, SC mengeluarkan garis panduan baru bagi memperkukuh perlindungan pelabur dengan menggalakkan piawaian tatalaku pasaran yang lebih tinggi. Garis Panduan Penasihat Utama bagi Cadangan Korporat (Garis Panduan Penasihat) dan Garis Panduan Tatalaku Ketekunan Wajar bagi Cadangan Korporat (Garis Panduan Ketekunan Wajar) telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2008. Garis Panduan Penasihat menjelaskan pihak yang boleh bertindak sebagai penasihat utama ketika membuat cadangan korporat kepada SC, serta mengenal pasti piawaian kecekapan bagi penasihat utama. Sementara Garis Panduan Ketekunan Wajar menggariskan jangkaan SC terhadap penerbit, penasihat dan pakar dalam pelaksanaan ketekunan wajar bagi memastikan pelabur dapat membuat keputusan pelaburan bermaklumat berdasarkan informasi yang jitu dan tepat.
- β Berkuat kuasa 3 Mac, semua prospektus berkaitan terbitan saham atau sekuriti boleh diakses di laman web SC bagi membolehkan orang ramai memberi komen. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan piawaian penzahiran dan ketelusan dalam penajaan dana.
- β Pada 8 April, SC memperkenalkan garis panduan baru dikenali sebagai Garis Panduan bagi Tatalaku Pasaran dan Amalan Perniagaan untuk mengukuhkan perlindungan pelabur dengan menggalakkan tatalaku bertanggungjawab di kalangan broker saham dan wakil mereka.